

20/09/2002

Pakar puji kejayaan homeopati Malaysia

Persatuan Pengamal Homeopati Malaysia

PADA 7 hingga 10 September lalu, satu persidangan antarabangsa mengenai homeopati, akupunktur dan perubatan komplementari yang ke-13 diadakan di Kota Bharu, Kelantan, yang mencatatkan satu lagi peristiwa bersejarah dalam dunia perubatan homeopati.

Lebih 350 pakar perubatan alternatif seperti homeopati, akupunktur, phytobifisik, ayurveda dan beberapa cabang perubatan dari seluruh dunia berkumpul, berbincang, berbahas dan mengemukakan kaedah serta penemuan baru dalam dunia perubatan alternatif dan homeopati.

Sebanyak 21 negara anggota dan perwakilan pemerhati dari negara luar menyertai persidangan ini, termasuk perwakilan dari Malaysia, Ukraine, Kanada, Australia, England, Amerika Syarikat, Kuwait, Arab Saudi, Singapura, Brunei, Filipina, Bangladesh, Sri Lanka, India dan Pakistan.

Kebanyakan mereka memuji kejayaan homeopati Malaysia di bawah Persatuan Pengamal Perubatan Homeopati Malaysia dan Fakulti Perubatan Homeopati Malaysia yang berjaya menaikkan imej Malaysia kepada sebuah negara yang maju dalam bidang homeopati dan diiktiraf kerajaan.

Dalam kata-kata aluan pada buku cenderamata persidangan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengucapkan terima kasih kepada perwakilan luar negara kerana sudi memilih Malaysia sebagai tuan rumah persidangan.

Ini membuktikan keyakinan dan kepercayaan negara anggota kepada Fakulti Homeopati Malaysia untuk menganjurkan persidangan bersejarah ini.

Dr Mahathir berkata, masih banyak boleh dilakukan bagi menerangkan kepada orang ramai mengenai keupayaan perubatan komplementari di mana mereka boleh mencuba kaedah alternatif ini dalam merawat kes tertentu.

Perwakilan dari Jerman, Dr K Weber, memuji kejayaan Malaysia membangunkan sistem perubatan akupunktur melalui Institut Penyelidikan Perubatan Akupunktur dan bersetuju untuk bertukar pendapat dengan Malaysia dalam perkembangan ilmu dan teknologi baru.

Malah, Jerman bersetuju menghadihkan satu set mesin laser akupunktur yang tercanggih untuk kegunaan penyelidikan institut itu.

Presiden Liga Perubatan Homeopati Asia, Dr Ginderal Pal, dari India berkata beliau kagum dengan kemajuan dan keindahan negara ini serta berjanji akan datang semula.

Liga Homeopati Asia yang berpusat di New Delhi sekali lagi mengejutkan perwakilan apabila sebulat suara memilih perwakilan Malaysia, Prof Nik Omar Nik Daud, menjadi Naib Presiden Kanan untuk Liga Perubatan Homeopati Asia bagi tempoh 2002 hingga 2004 pada mesyuarat agung perwakilan 21 negara.

Kemuncak persidangan itu ialah penyampaian ijazah kepada 80 graduan jurusan perubatan homeopati.

Persidangan Homeopati Asia Ke-14 akan diadakan pada September 2003 di New Delhi, diikuti Dhaka, Bangladesh pada 2004.

PERSATUAN PENGAMAL HOMEOPATI MALAYSIA.